



KEMENTERIAN EKONOMI
JABATAN PERANGKAAN MALAYSIA

KENYATAAN MEDIA

BAGI PRESTASI EKONOMI MALAYSIA PADA SUKU TAHUN KEEMPAT 2023

Ekonomi Malaysia berkembang sebanyak 3.0 peratus pada suku tahun keempat 2023 dan 3.7 peratus bagi keseluruhan tahun 2023.

PUTRAJAYA, 16 Februari 2024 – Keluaran Dalam Negeri Kasar (KDNK) Malaysia pada suku tahun keempat 2023 meningkat sebanyak 3.0 peratus berbanding 3.3 peratus pada suku tahun ketiga 2023. Bagi terma pelarasan musim suku tahun ke suku tahun, KDNK menyusut 2.1 peratus (ST3 2023: 2.6%) pada suku tahun ini. Prestasi ekonomi bulanan masing-masing meningkat sebanyak 3.9 peratus dan 3.8 peratus bagi Oktober dan November, sebelum menyederhana kepada 1.4 peratus pada Disember. Oleh itu, prestasi ekonomi Malaysia meningkat kepada 3.7 peratus pada tahun 2023 berbanding 8.7 peratus pada tahun sebelumnya. Prestasi ini dilaporkan oleh Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM) dalam siaran KDNK bagi Suku Tahun Keempat 2023 yang dikeluarkan hari ini.

Menurut Ketua Perangkawan Malaysia, Dato' Sri Dr. Mohd Uzir Mahidin, "Sektor Perkhidmatan memacu prestasi keseluruhan, diikuti sektor Perlombongan & pengkuarian yang menunjukkan peningkatan selepas mencatatkan penurunan pada suku tahun sebelumnya. Selain itu, Perbelanjaan akhir isi rumah dan Pembentukan modal tetap kasar terus mendorong pertumbuhan pada suku tahun ini."

Beliau turut berkata, "Dari segi prestasi sektoral, sektor **Perkhidmatan** berkembang sebanyak 4.2 peratus (ST3 2023: 5.0%) pada suku tahun keempat 2023. Prestasi yang memberangsangkan disumbangkan oleh subsektor Perdagangan borong & runcit (4.4%) dan Pengangkutan & penyimpanan (12.2%). Walau bagaimanapun, subsektor Kewangan & insurans merekodkan penyusutan sebanyak 4.7 peratus (ST3 2023: -0.6%) pada suku tahun ini. Bagi terma pelarasan musim suku tahun ke suku tahun, sektor Perkhidmatan mengalami penurunan 2.4 peratus (ST3 2023: 2.1%).

Sektor **Pembuatan** terus merosot dengan mencatatkan negatif 0.3 peratus berbanding penyusutan 0.1 peratus pada suku tahun sebelumnya. Penurunan ini dipengaruhi oleh industri berorientasikan eksport seperti Produk elektrik, elektronik & optikal (-6.0%); dan Produk petroleum, kimia, getah & plastik (-0.6%). Walau bagaimanapun, industri berorientasikan domestik seperti Minyak dan lemak daripada sayuran & haiwan dan

prosesan makanan serta Produk mineral bukan logam, logam asas & produk logam yang direka masing-masing meningkat 7.2 peratus dan 6.2 peratus pada suku ini. Dari segi pelarasan musim suku tahun ke suku tahun, sektor Pembuatan merekodkan penurunan 2.9 peratus (ST3 2023: 1.5%).

Sektor **Perlombongan & pengkuarian** menunjukkan peningkatan yang signifikan iaitu 3.8 peratus selepas mencatat penyusutan 0.1 peratus pada suku tahun ketiga. Peningkatan ini disokong oleh semua subsektor, terutamanya subsektor Gas asli dan Minyak mentah & kondensat masing-masing berkembang 4.6 peratus dan 3.3 peratus. Bagi terma pelarasan musim suku tahun ke suku tahun, sektor ini meningkat 1.5 peratus (ST3 2023: 8.6%).

Sektor **Pertanian** mengalami pertumbuhan sebanyak 1.9 peratus pada suku tahun keempat 2023. Pertumbuhan dipacu oleh peningkatan pengeluaran dalam subsektor Kelapa sawit. Selain itu, subsektor Pertanian lain, Ternakan, Perikanan, dan Getah juga menunjukkan peningkatan pada suku tahun ini. Subsektor Perhutanan terus merosot pada suku tahun keempat selepas mencatat penyusutan dalam tiga suku tahun sebelumnya pada 2023. Sektor ini berkembang sebanyak 3.5 peratus (ST3 2023: 4.6%) dari segi pelarasan musim suku tahun ke suku tahun.

Sektor **Pembinaan** berkembang pada kadar yang lebih perlahan iaitu 3.6 peratus (ST3 2023: 7.2%). Pertumbuhan sederhana ini dipengaruhi oleh subsektor Aktiviti pembinaan pertukangan khas yang meningkat secara marginal 0.5 peratus (Q3 2023: 10.4%). Walau bagaimanapun, subsektor Kejuruteraan awam terus meningkat sebanyak 16.8 peratus (Q3 2023: 14.6%) pada suku tahun keempat 2023. Dari segi pelarasan musim suku tahun ke suku tahun, sektor ini mencatatkan penurunan 7.3 peratus (ST3 2023: 3.7%).

Ketua Perangkawan Malaysia turut mengulas bahawa "**Perbelanjaan penggunaan akhir swasta atau Perbelanjaan isi rumah**", yang menyumbang 58.9 peratus kepada KDNK, berkembang sebanyak 4.2 peratus (ST3 2023: 4.6%) disokong oleh peningkatan perbelanjaan dalam Pengangkutan (10.1%), Makanan & minuman bukan alkohol (5.9%) dan Perumahan, air, elektrik, gas & bahan api lain (5.6%). Dari segi pelarasan musim suku tahun ke suku tahun, prestasi keseluruhan menunjukkan penurunan sebanyak 3.0 peratus (ST3 2023: -0.7%)".

Pembentukan modal tetap kasar (PMTK) atau pelaburan dalam aset tetap, berkembang 6.4 peratus (ST3 2023: 5.1%) pada suku keempat 2023. Prestasi PMTK disumbangkan oleh Jentera & peralatan (9.7%), Struktur (4.3%) dan Aset lain (1.7%). Selain itu, PMTK mengikut sektor meningkat bagi kedua-dua sektor Awam dan Swasta pada suku ini. Dari segi pelarasan musim suku tahun ke suku tahun, PMTK mencatat peningkatan sebanyak 0.3 peratus (ST3 2023: 1.8%).

Perbelanjaan penggunaan akhir kerajaan meningkat 7.3 peratus (ST3 2023: 5.8%) didorong oleh perbelanjaan yang lebih tinggi dalam barang dan perkhidmatan. Dari segi pelarasan musim suku tahun ke suku tahun, Perbelanjaan penggunaan akhir kerajaan meningkat 0.6 peratus (ST3 2023: 4.6%).

Beliau juga menyebut bahawa "Kedua-dua **Eksport** dan **Import** masing-masing merekodkan penurunan 6.3 peratus (ST3 2023: -12.0%) dan 2.9 peratus (ST3 2023: -11.1%). Oleh itu, **Eksport bersih** terus merosot sebanyak 35.6 peratus berbanding penurunan 22.7 peratus pada suku tahun sebelumnya".

PRESTASI EKONOMI 2023

Pertumbuhan ekonomi Malaysia secara keseluruhan pada tahun 2023 menyederhana kepada 3.7 peratus (2022: 8.7%) dipacu oleh sektor Perkhidmatan dengan pertumbuhan 5.3 peratus diikuti oleh sektor Pembinaan (6.1%) dan Pembuatan (0.7%). Sektor Pembuatan bertumbuh pada kadar yang lebih perlahan iaitu 0.7 peratus (2022: 8.1%) berikutan asas yang lebih tinggi pada tahun sebelumnya dan permintaan luaran global yang lemah.

Dari segi permintaan dalam ekonomi, pertumbuhan dipacu oleh Perbelanjaan penggunaan akhir swasta atau Perbelanjaan isi rumah yang meningkat sebanyak 4.7 peratus, diikuti oleh PMTK (5.5%) dan Perbelanjaan penggunaan akhir kerajaan (3.9%). Sementara itu, Eksport dan Import masing-masing merekodkan penurunan sebanyak 7.9 peratus dan 7.6 peratus, dengan Eksport bersih mencatatkan penyusutan 11.3 peratus pada 2023.

Prestasi ekonomi Malaysia adalah seiring dengan negara ASEAN lain yang menunjukkan pertumbuhan sederhana pada 2023 iaitu Singapura 1.1 peratus (2022: 3.8%), Indonesia 5.1 peratus (2022: 5.3%) dan Filipina 5.6 peratus (2022: 7.6%). Negara maju lain turut mencatatkan pertumbuhan sederhana seperti Korea Selatan 1.4 peratus (2022: 2.6%) dan United Kingdom 0.1 peratus (2022: 4.3%). Walau bagaimanapun, China terus berkembang pada 5.2 peratus (2022: 3.0%) dan Amerika Syarikat meningkat 2.5 peratus (2022: 1.9%) pada 2023.

Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM) telah melancarkan OpenDOSM NextGen sebagai medium yang menyediakan katalog data dan visualisasi bagi memudahkan pengguna menganalisis pelbagai data dan boleh diakses melalui portal <https://open.dosm.gov.my>.

DOSM akan menjalankan Banci Pertanian pada tahun 2024. Mohon layari <https://www.myagricensus.gov.my/> untuk maklumat lanjut. Tema adalah "Banci Pertanian, Kunci Kemajuan Pertanian."

Embargo: Hanya boleh diterbitkan atau disebarluaskan mulai jam 1200, Jumaat, 16 Februari 2024

Kerajaan Malaysia telah mengisytiharkan Hari Statistik Negara (MyStats Day) pada 20 Oktober setiap tahun. Tema sambutan MyStats Day adalah “Statistik Nadi Kehidupan”.

Pangkalan Data Utama (PADU) telah diluncurkan pada 2 Januari 2024. PADU mengandungi profil individu dan isi rumah meliputi warganegara dan pemastautin tetap di Malaysia. Matlamat utama PADU untuk memastikan rakyat Malaysia tidak tercincir daripada setiap inisiatif berpaksikan rakyat yang dilaksanakan oleh Kerajaan. Dimohon kerjasama untuk mendaftar dan mengemaskini PADU sebelum atau pada 31 Mac 2024. Sila layari <https://www.padu.gov.my> bagi maklumat lanjut berkaitan PADU atau menghubungi talian hotline berikut:


- i) Jabatan Perangkaan Malaysia : 1-800-88-7720 /1-800-88-7721
- ii) Pertanyaan secara online melalui SISPAA: <https://padu.spab.gov.my>

Diterbitkan oleh:

**PEJABAT KETUA PERANGKAWAN
JABATAN PERANGKAAN MALAYSIA
16 FEBRUARI 2024**

LAMPIRAN


Carta 1: Keluaran Dalam Negeri Kasar (KDNK), ST1 2021 – ST4 2023 dan 2021^e – 2023^p



Nota: e = anggaran; p = permulaan

Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

Carta 2: Pertumbuhan KDNK Tahunan, 1991 – 2023^p




Nota: e = anggaran; p = permulaan

Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

Embargo: Hanya boleh diterbitkan atau disebarluaskan mulai jam 1200, Jumaat, 16 Februari 2024


Carta 3: Pertumbuhan KDNK Bulanan dan Suku Tahunan, 2021^e – 2023^p



Nota: e = anggaran; p = permulaan

Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia


Carta 4: Pertumbuhan KDNK Suku Tahunan mengikut Jenis Aktiviti Ekonomi, ST3 2023 & ST4 2023



Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia


Embargo: Hanya boleh diterbitkan atau disebarluaskan mulai jam 1200, Jumaat, 16 Februari 2024

Carta 5: Pertumbuhan KDNK Suku Tahunan mengikut Jenis Perbelanjaan, ST3 2023 & ST4 2023




Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

Carta 6: Pertumbuhan KDNK Bulanan Mengikut Jenis Aktiviti Ekonomi, Oktober 2023 – Disember 2023



Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia


Carta 7: KDNK Pelarasan Musim (Perubahan Peratusan dari Suku Tahun Sebelumnya), ST3 2015 – ST4 2023



Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

Embargo: Hanya boleh diterbitkan atau disebarluaskan mulai jam 1200, Jumaat, 16 Februari 2024


Carta 8: KDNK Nominal, ST1 2021 – ST4 2023 dan 2021^e – 2023^p



Nota: e = anggaran; p = permulaan

Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

Carta 9: Pendapatan Negara Kasar (PNK) Per Kapita, ST1 2021 – ST4 2023



Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

Embargo: Hanya boleh diterbitkan atau disebarluaskan mulai jam 1200, Jumaat, 16 Februari 2024

Carta 10: Prestasi KDNK bagi Negara Terpilih (%)

| KDNK Kadar Pertumbuhan YoY (%) | 2022 | 2023 | 2022 | | | | 2023 | | | |
|---|------|------|------|-----|------|-----|------|-----|-----|------|
| | | | ST1 | ST2 | ST3 | ST4 | ST1 | ST2 | ST3 | ST4 |
| NEGARA ASEAN | | | | | | | | | | |
|  Malaysia | 8.7 | 3.7 | 4.8 | 8.8 | 14.1 | 7.1 | 5.6 | 2.9 | 3.3 | 3.0 |
|  Singapura | 3.8 | 1.1 | 4.2 | 4.6 | 4.2 | 2.4 | 0.5 | 0.5 | 1.0 | 2.2 |
|  Indonesia | 5.3 | 5.1 | 5.0 | 5.5 | 5.7 | 5.0 | 5.0 | 5.2 | 4.9 | 5.0 |
|  Filipina | 7.6 | 5.6 | 8.0 | 7.5 | 7.7 | 7.1 | 6.4 | 4.3 | 6.0 | 5.6 |
| NEGARA LAIN | | | | | | | | | | |
|  Amerika Syarikat | 1.9 | 2.5 | 3.6 | 1.9 | 1.7 | 0.7 | 1.7 | 2.4 | 2.9 | 3.1 |
|  Kesatuan Eropah | 3.4 | t.t | 5.6 | 4.2 | 2.6 | 1.7 | 1.1 | 0.5 | 0.0 | 0.3 |
|  Sepanyol | 5.8 | 2.5 | 6.8 | 7.2 | 5.4 | 3.8 | 4.1 | 2.0 | 1.9 | 2.0 |
|  Itali | 3.7 | t.t | 6.3 | 5.1 | 2.6 | 1.6 | 2.1 | 0.3 | 0.1 | 0.5 |
|  Perancis | 2.5 | t.t | 4.3 | 3.8 | 1.3 | 0.8 | 0.9 | 1.2 | 0.6 | 0.7 |
|  United Kingdom | 4.3 | 0.1 | 11.4 | 3.9 | 2.1 | 0.6 | 0.3 | 0.3 | 0.2 | -0.2 |
|  Republik Rakyat China | 3.0 | 5.2 | 4.8 | 0.4 | 3.9 | 2.9 | 4.5 | 6.3 | 4.9 | 5.2 |
|  Republik Korea | 2.6 | 1.4 | 3.1 | 2.9 | 3.2 | 1.4 | 0.9 | 0.9 | 1.4 | 2.2 |

Nota: t.t – tidak tersedia

Sumber: Laman web rasmi Agensi Statistik Negara Terpilih



MINISTRY OF ECONOMY
DEPARTMENT OF STATISTICS MALAYSIA

MEDIA STATEMENT
FOR MALAYSIA ECONOMIC PERFORMANCE FOURTH QUARTER OF 2023

Malaysia's economy grew by 3.0 per cent in the fourth quarter of 2023 and 3.7 per cent for the overall 2023

PUTRAJAYA, 16 February 2024 – Malaysia's Gross Domestic Product (GDP) in the fourth quarter of 2023 grew by 3.0 per cent as compared to 3.3 per cent in the third quarter of 2023. In terms of quarter-on-quarter seasonally adjusted, GDP contracted by 2.1 per cent (Q3 2023: 2.6%) in this quarter. The monthly economic performance grew at 3.9 per cent and 3.8 per cent for October and November, respectively, before slowing down to 1.4 per cent in December. Hence, Malaysia's economic performance increased to 3.7 per cent in 2023 as compared to 8.7 per cent in the previous year. This is reported by the Department of Statistics Malaysia (DOSM) in today's release of GDP for the Fourth Quarter of 2023.

According to the Chief Statistician of Malaysia, Dato' Sri Dr. Mohd Uzir Mahidin, "The Services sector steered the overall performance, as well as the Mining & quarrying sector, which showed an expansion after a decline in the previous quarter. Furthermore, Household final consumption expenditure and Gross fixed capital formation continued to propel the growth in this quarter".

He added, "In terms of sectoral performance, the **Services** sector expanded by 4.2 per cent (Q3 2023: 5.0%) in the fourth quarter of 2023. The favourable performance was contributed by the Wholesale & retail trade (4.4%) and Transportation & storage (12.2%) sub-sectors. However, the Finance & insurance sub-sector recorded a contraction of 4.7 per cent (Q3 2023: -0.6%) in this quarter. On a quarter-on-quarter seasonally adjusted, the Services sector decreased 2.4 per cent (Q3 2023: 2.1%)".

The **Manufacturing** sector continued to decline, recording a negative 0.3 per cent this quarter as compared to a decrease of 0.1 per cent in the previous quarter. The decrease was mainly influenced by export oriented industries such as Electrical, electronic & optical products (-6.0%); and Petroleum, chemical, rubber & plastic products (-0.6%). Meanwhile, domestic oriented industries continued to grow, namely Vegetable and animal oils & fats and food processing and Non-metallic mineral products, basic metal & fabricated metal products, which increased by 7.2 per cent and 6.2 per cent, respectively in this quarter. On a quarter-on-quarter seasonally adjusted, the Manufacturing sector decreased by 2.9 per cent (Q3 2023: 1.5%).

The **Mining & quarrying** sector showed a significant increase of 3.8 per cent after recording a contraction of 0.1 per cent in the third quarter. The increase was backed by all sub-sectors, primarily the Natural gas and Crude & condensate sub-sectors which expanded 4.6 per cent and 3.3 per cent, respectively. On quarter-on-quarter seasonally adjusted, this sector increased 1.5 per cent (Q3 2023: 8.6%).

The **Agriculture** sector experienced growth of 1.9 per cent in the fourth quarter of 2023. The growth was led by higher production in the Oil palm sub-sector. In addition, Other agriculture, Livestocks, Fishing and Rubber sub-sectors also showed an increase in this quarter. The Forestry sub-sector continued to decline in the fourth quarter after recording contractions in the last three quarters of 2023. This sector grew 3.5 per cent (Q3 2023: 4.6%) on a quarter-on-quarter seasonally adjusted.

The **Construction** sector grew at a slower pace of 3.6 per cent (Q3 2023: 7.2%). The moderation was influenced by the Specialised construction activities sub-sector which increased marginally 0.5 per cent (Q3 2023: 10.4%). Nevertheless, Civil engineering sub-sector grew further by 16.8 per cent (Q3 2023: 14.6%) in the fourth quarter of 2023. On a quarter-on-quarter seasonally adjusted, this sector recorded a decline of 7.3 per cent (Q3 2023: 3.7%).

Commenting further, the Chief Statistician Malaysia stated that “**Private final consumption or household expenditure**, which contributed 58.9 per cent to GDP, grew 4.2 per cent (Q3 2023: 4.6%) backed by higher expenditure in Transport (10.1%), Food & non-alcoholic beverages (5.9%) and Housing, water, electricity, gas & other fuels (5.6%). On quarter-on-quarter seasonally adjusted, the overall performance posted a decrease of 3.0 per cent (Q3 2023: -0.7%)”.

Gross fixed capital formation (GFCF) or investment in fixed assets, grew by 6.4 per cent (Q3 2023: 5.1%) in the fourth quarter of 2023. The performance of GFCF was contributed by Machinery & equipment (9.7%), Structure (4.3%) and Other assets (1.7%). Furthermore, GFCF by sector increased in both Public and Private sectors in this quarter. On a quarter-on-quarter seasonally adjusted, the GFCF registered an increase of 0.3 per cent (Q3 2023: 1.8%).

Government final consumption expenditure grew by 7.3 per cent (Q3 2023: 5.8%), led by higher spending on supplies and services. On a quarter-on-quarter seasonally adjusted, Government final consumption expenditure increased 0.6 per cent (Q3 2023: 4.6%).

He also mentioned that “Both **Exports** and **Imports** declined by 6.3 per cent (Q3 2023: -12.0%) and 2.9 per cent (Q3 2023: -11.1%), respectively. Thus, **Net exports** continued to decline by 35.6 per cent as compared to a decrease of 22.7 per cent in the preceding quarter”.

ECONOMIC PERFORMANCE 2023

Malaysia's overall economic growth in 2023 eased at 3.7 per cent (2022: 8.7%) driven by the Services sector with a growth of 5.3 per cent followed by the Construction (6.1%) and Manufacturing (0.7%) sectors. The Manufacturing sector grew at a slower pace of 0.7 per cent (2022: 8.1%) following higher base in the preceding year and weaker global external demand.

On the demand side of the economy, the growth was led by Private final consumption or household expenditure increased by 4.7 per cent, followed by GFCF (5.5%) and Government final consumption expenditure (3.9%). Meanwhile, both Exports and Imports declined by 7.9 per cent and 7.6 per cent, respectively, with Net exports recording a decrease of 11.3 per cent in 2023.

Malaysia's economic performance is in tandem with other ASEAN countries which showed moderate growth in 2023 namely Singapore 1.1 per cent (2022: 3.8%), Indonesia 5.1 per cent (2022: 5.3%) and Philippines 5.6 per cent (2022: 7.6%). Other developed countries also recorded modest growth such as South Korea 1.4 per cent (2022: 2.6%) and United Kingdom 0.1 per cent (2022: 4.3%). However, China expanded further at 5.2 per cent (2022: 3.0%) and the United States increased 2.5 per cent (2022: 1.9%) in 2023.

The Department of Statistics Malaysia (DOSM) has launched OpenDOSM NextGen as a medium that provides a catalog of data and visualisations to facilitate users' analysis of various data and can be accessed through <https://open.dosm.gov.my>.

DOSM will conduct the Agricultural Census in 2024. Please visit <https://www.myagricensus.gov.my/> for more information. The theme is "Agriculture Census, Key to Agricultural Development."

The Government of Malaysia has declared National Statistics Day (MyStatsDay) on October 20th each year. MyStatsDay theme is "Statistics is the Essence of Life".

The Central Database (PADU) was launched on 2 January 2024. PADU contains individual and household profiles covering citizens and permanent residents of Malaysia. The main goal of PADU is to ensure that Malaysians are not left behind from citizen centric initiatives implemented by the Government. Your kind cooperation is requested to register and update PADU by 31 March 2024. Please visit <https://www.padu.gov.my> for more information related to PADU or contact the following hotlines:


- i) Department of Statistics Malaysia : 1-800-88-7720 /1-800-88-7721
- ii) Online Enquiries through SISPA: <https://padu.spab.gov.my>.

Released by:

**THE OFFICE OF CHIEF STATISTICIAN MALAYSIA
DEPARTMENT OF STATISTICS MALAYSIA
16 FEBRUARY 2024**

APPENDIX


**Chart 1: Gross Domestic Product (GDP), Q1 2021 – Q4 2023
and 2021^e – 2023^p**



Note: e = estimate; p = preliminary

Source: Department of Statistics Malaysia


Chart 2: Annual GDP Growth, 1991 – 2023^p



Note: e = estimate; p = preliminary

Source: Department of Statistics Malaysia


Chart 3: Monthly and Quarterly GDP Growth, 2021^e – 2023^p



Note: e = estimate; p = preliminary


Source: Department of Statistics Malaysia

Chart 4: Quarterly GDP Growth by Kind of Economic Activity, Q3 2023 & Q4 2023




Source: Department of Statistics Malaysia

Chart 5: Quarterly GDP Growth by Type of Expenditure, Q3 2023 & Q4 2023




Source: Department of Statistics Malaysia

Chart 6: Monthly GDP Growth by Kind of Economic Activity, October – December 2023




Source: Department of Statistics Malaysia

Chart 7: Seasonally Adjusted GDP (Per centage Change from Preceding Quarter), Q2 2015 – Q4 2023



Source: Department of Statistics Malaysia


Chart 8: Nominal GDP, Q1 2021 – Q4 2023 and 2021^e– 2023^p



Note: e = estimate; p = preliminary

Source: Department of Statistics Malaysia

Chart 9: Gross National Income (GNI) Per Capita, Q1 2021 – Q4 2023



Source: Department of Statistics Malaysia

Chart 10: GDP Performance for Selected Countries (%)

| GDP Growth Rate YoY (%) | 2022 | 2023 | 2022 | | | | 2023 | | | |
|--|------|------|------|-----|------|-----|------|-----|-----|------|
| | | | Q1 | Q2 | Q3 | Q4 | Q1 | Q2 | Q3 | Q4 |
| ASEAN COUNTRIES | | | | | | | | | | |
|  Malaysia | 8.7 | 3.7 | 4.8 | 8.8 | 14.1 | 7.1 | 5.6 | 2.9 | 3.3 | 3.0 |
|  Singapore | 3.8 | 1.1 | 4.2 | 4.6 | 4.2 | 2.4 | 0.5 | 0.5 | 1.0 | 2.2 |
|  Indonesia | 5.3 | 5.1 | 5.0 | 5.5 | 5.7 | 5.0 | 5.0 | 5.2 | 4.9 | 5.0 |
|  Philippines | 7.6 | 5.6 | 8.0 | 7.5 | 7.7 | 7.1 | 6.4 | 4.3 | 6.0 | 5.6 |
| OTHER COUNTRIES | | | | | | | | | | |
|  United States of America | 1.9 | 2.5 | 3.6 | 1.9 | 1.7 | 0.7 | 1.7 | 2.4 | 2.9 | 3.1 |
|  European Union | 3.4 | n.a | 5.6 | 4.2 | 2.6 | 1.7 | 1.1 | 0.5 | 0.0 | 0.3 |
|  Spain | 5.8 | 2.5 | 6.8 | 7.2 | 5.4 | 3.8 | 4.1 | 2.0 | 1.9 | 2.0 |
|  Italy | 3.7 | n.a | 6.3 | 5.1 | 2.6 | 1.6 | 2.1 | 0.3 | 0.1 | 0.5 |
|  France | 2.5 | n.a | 4.3 | 3.8 | 1.3 | 0.8 | 0.9 | 1.2 | 0.6 | 0.7 |
|  United Kingdom | 4.3 | 0.1 | 11.4 | 3.9 | 2.1 | 0.6 | 0.3 | 0.3 | 0.2 | -0.2 |
|  People's Republic of China | 3.0 | 5.2 | 4.8 | 0.4 | 3.9 | 2.9 | 4.5 | 6.3 | 4.9 | 5.2 |
|  Republic of Korea | 2.6 | 1.4 | 3.1 | 2.9 | 3.2 | 1.4 | 0.9 | 0.9 | 1.4 | 2.2 |

Note: n.a - not available

Source: Official website of Selected National Statistical Office